PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA (CAAM)

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** melaksanakan bekalan/perkhidmatan seperti berikut:

PERIHAL	BUTIRAN
NO. SEBUT HARGA	CAAM/Q 065/2026
TAJUK PEROLEHAN	PERKHIDMATAN KEMPEN MEDIA BERSEPADU (INTEGRATED MEDIA CAMPAIGN)
JENIS PEROLEHAN	SEBUT HARGA
KOD BIDANG	222002 and 222001 and 222006 and 222007 and 222009
TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	-
HARGA SENASKHAH DOKUMEN (RM)	0.00
TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	-
TARIKH IKLAN	11/11/2026 11:00 AM
TARIKH TUTUP	18/11/2026 11:00 AM
TEMPOH PELAWAAN (HARI)	7
TEMPOH SAH LAKU TAWARAN (HARI)	90
TARIKH TAMAT SAH LAKU	16/02/2027
RINGKASAN SKOP/SPESIFIKASI PEROLEHAN	Perkhidmatan Kempen Media Bersepadu (INTEGRATED MEDIA CAMPAIGN) bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengenalan awam terhadap CAAM serta kefahaman mengenai peranan, fungsi dan perkhidmatannya melalui kempen bersepadu di platform radio, televisyen dan digital.
TEMPOH PENYIAPAN/PERKHIDMATAN	6 bulan

2. Pembekal **diwajibkan** menghadiri taklimat/lawatan tapak seperti alamat yang tertera pada jadual di atas (**sekiranya ada**). **WAKIL SYARIKAT** adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak tersebut. Hanya Pemilik/Penama yang berdaftar dengan MoF sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat/lawatan tapak dengan mengemukakan Kad Pengenalan dan Sijil MOF untuk pengesahan.

3. Bayaran dokumen sebut harga (sekiranya ada) boleh dibuat secara DALAM TALIAN ke **Akaun No. 3811340215 - PUBLIC ISLAMIC BANK atas nama Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

4. Kos bagi penyertaan dan penyediaan dokumen tawaran pembekal adalah ditanggung sepenuhnya oleh pembekal.

5. Pembekal hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi melalui Sistem SPEED akan dikenakan fi perkhidmatan 0.4% bagi kontrak yang melibatkan beberapa pembayaran (multiple payment) mengikut setiap nilai invois yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi invois yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; ATAU 0.8% bagi perolehan yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment) mengikut setiap nilai invois yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi invois yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

6. **TATACARA PENYERTAAN SEBUT HARGA**

   a) Pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran pembekal melalui laman web https://speed2u.my sebelum menyertai tawaran ini. Sila hubungi pusat khidmat pelanggan SPEED di talian 03-78854111 atau emel kepada helpdesk@speed2u.my untuk tujuan ini;

   b) Seterusnya, Pembekal dikehendaki melengkapkan borang pada pautan https://forms.gle/2wBvwTVw5JJytxmb9 untuk mengakses sistem SPEED bagi penyediaan cadangan tawaran pembekal; dan

   c) Pembekal dikehendaki mengemukakan tawaran secara dalam talian (online) melalui sistem SPEED sebelum atau pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan.

7. Dasar dan Syarat Perolehan

   a) Pelaksanaan Keutamaan Harga kepada syarikat Bumiputera dan Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Program-ICP) adalah selaras dengan peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa;

   b) Perolehan adalah tertakluk kepada obligasi perjanjian antarabangsa/FTA mengikut nilai ambang yang ditetapkan berdasarkan PP/PK 1.3;

   c) Pihak Berkuasa berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan pembekal yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetuju terima berdasarkan syarat yang dinyatakan pada PP/PK2.2 Perenggan 26. Hak Pihak Berkuasa untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Pihak Berkuasa menyetujui terima keputusan rundingan ; dan

d) Perolehan ini adalah tertakluk kepada dasar, peraturan, pekeliling, arahan, garis panduan dan prosedur perolehan Kerajaan yang terpakai kepada Pihak Berkuasa serta apa-apa pindaan yang berkuat kuasa dari semasa dari semasa.

8. **HARGA INDIKATIF (HARGA ANGGARAN JABATAN)**

a. Harga Anggaran/Indikatif Jabatan bagi perolehan ini adalah **RM400,000.00** (tidak termasuk cukai);

b. Perolehan Harga Anggaran/Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Pihak Berkuasa atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit;

c. Pihak Berkuasa tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Anggaran/Indikatif Jabatan.

9. Sebarang pertanyaan perlu dikemukakan kepada **Urus Setia Perolehan** melalui emel unit.perolehan@caam.gov.my atau hubungi talian 03-88714137/ 4120/4033/4287.